

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM TALIAN KETIKA PKPP: PENGALAMAN DI KUIS

Hairun Najuwah Jamali
hairunnajuwah@kuis.edu.my

Wazzainab Ismail
wazzainab@kuis.edu.my

Ku fatahiyah Ku Azizan
kufatahiyah@kuis.edu.my

Awatif Abdul Rahman
awatif@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Susulan daripada pandemik COVID-19, pengajaran dan pembelajaran dalam talian bukan lagi satu pilihan. Arahan kerajaan Malaysia mengambil langkah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan penutupan sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT). Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersemuka telah digantikan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Sebagai salah sebuah IPT, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) juga tidak ketinggalan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Oleh itu kertas kerja ini ingin membincangkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh penulis bersama para pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda seramai 57 orang. Kertas kerja ini dihasilkan berdasarkan pemerhatian dan temubual antara penulis dengan para pelajar tersebut. Intipati utama kertas kerja ini membincangkan berkaitan cabaran, dan kelebihan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan.

Kata Kunci: *P&P dalam talian, Bahasa Arab, PKP, cabaran, kelebihan*

PENGENALAN

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan sejenis virus baharu jenis korona yang menyebabkan wabak COVID-19. Akibat penularan wabak ini, banyak negara termasuk Malaysia terpaksa mengambil langkah membendung penularannya. Antara langkah drastik yang diambil ialah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020. Antara intipati utama PKP ialah penutupan semua sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara. Walau bagaimanapun, kerajaan meminta pihak pengurusan sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian. Kerajaan juga telah mengumumkan

proses pengajaran dan pembelajaran di IPT akan dilaksanakan sepenuhnya secara maya atau dalam talian sehingga hujung tahun 2020 kecuali untuk program dan subjek akademik tertentu.

Faktor penularan wabak COVID-19 dan arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan menjadikan pengajaran dan pembelajaran dalam talian sangat penting dan perlu dikuasai sepenuhnya oleh guru, pensyarah dan pelajar mereka. Pada mulanya timbul kegusaran dan keriasuan dalam kalangan guru, pensyarah dan pelajar berkaitan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Namun begitu, menurut Ehwan Ngadi 2020, kaedah cuba jaya iaitu menggunakan apa jua saluran yang bersesuaian agar pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian dapat dijayakan.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga tidak ketinggalan mengalami perubahan ini. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang sebelum ini diadakan secara bersemuka terpaksa dihentikan dan beralih kepada pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Kajian dan perbincangan berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menggunakan internet atau berbantuan web telah banyak dijalankan. Antaranya Nazilah (2017), Mohd Firdaus (2013), Lily Hanefarezan (2014) dan Rahimi (2005).

Namun begitu kajian-kajian lain pula menyatakan tahap pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer yang rendah di kalangan guru bahasa Arab juga turut menyebabkan proses pemanfaatan multimedia menjadi terhad dalam P&P bahasa Arab (Zawawi, 2008; Mohd Feham & Isarji, 2000). Selain itu, kekurangan latihan atau bengkel berkaitan kemahiran menggunakan komputer turut menjadi punca kekangan perkembangan pemanfaatan teknologi dalam P&P bahasa Arab di Malaysia (Ashinida, Afendi & Mohd Shabri, 2004). Oleh itu, telah terdapat beberapa aplikasi yang telah dibangunkan bertujuan untuk pembelajaran bahasa Arab secara maya seperti <http://www.arabic-games-iium.net/> dan EzArabic bagi membantu merencanakan lagi pembelajaran bahasa Arab secara maya.

Berdasarkan perkembangan kajian di atas dapat difahami bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sentiasa mendapat perhatian para pengkaji supaya ditambah baik dari masa ke semasa. Aplikasi-aplikasi khusus yang dibangunkan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sentiasa membantu proses pembelajaran bahasa Arab secara bersemuka. Malah aplikasi yang dibina adalah galakan kepada pembelajaran secara maya yang lebih interaktif dan menarik.

Kini, susulan daripada pandemik Covid-19 dan arahan PKP daripada kerajaan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian. Hal ini turut diutarakan oleh Pensyarah Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Anuar Ahmad yang menyatakan bahawa sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah satu pilihan, tetapi dengan penguatkuasaan PKP, ia menjadi suatu keperluan. (Sinar Harian, 4 April 2020). Situasi ini juga turut dikupas oleh Dr. Mohan Rathakrishnan (Berita Harian, 14 Julai 2020) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi (IPT) negara berubah wajah daripada pengajaran tradisional berbentuk kuliah kepada pembelajaran maya. Pandemik COVID-19 menyebabkan Kementerian Pendidikan mengarahkan universiti dan kolej tidak mengadakan kelas secara bersemuka. Sama ada secara teradun atau menggunakan Web 2.0, pensyarah dan pelajar terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan semasa.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai salah satu institusi pengajian tinggi juga tidak ketinggalan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Antaranya ialah mata pelajaran wajib bagi setiap pelajar di KUIS iaitu bahasa Arab Pengendalian

ini adalah sejajar dengan kenyataan media oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 20 Mac 2020 yang membenarkan semua IPT meneruskan pembelajaran dalam talian dengan syarat bahawa semua pelajar secara keseluruhannya mendapat akses pensyarah serta infrastruktur telah sedia sepenuhnya. Walau pun menghadapi beberapa kekangan dan cabaran di peringkat permulaannya, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian sepanjang satu semester telah dilaksanakan. Pengalaman pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian inilah yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini. Dengan kerjasama daripada pihak institusi iaitu KUIS, pensyarah dan para pelajar yang menjayakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini dapat dikenal pasti kelebihan atau faedah yang diperolehi sama ada di pihak pensyarah mahupun pelajar.

METODOLOGI

Kertas kerja ini memfokuskan perbincangannya tentang cabaran dan kelebihan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian di KUIS. Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu berdasarkan pemerhatian dan temubual penulis sebagai pensyarah subjek bahasa Arab terhadap para pelajar Ijazah Sarjana Muda seramai 57 orang. Ia berbeza dengan metodologi kuantitatif kerana data kualitatif adalah berbentuk deskriptif dan kata-kata lisan tentang tingkah laku manusia yang diamati. Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, hasil perbincangan dan bahan bertulis. (Kamarul Azmi, 2012).

PERBINCANGAN

Cabaran pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian.

Perubahan ke arah PdP secara maya ini sememangnya memberi cabaran yang besar bukan sahaja kepada para pelajar, malah memberi impak kepada kaedah pengajaran oleh para pensyarah. Pensyarah Undang-Undang Curtin University Malaysia (Curtin) Ariffin Mohamad berkata, proses PdP secara dalam talian ini merupakan satu pengalaman yang cukup mencabar namun ia mengajar dirinya untuk lebih bersedia dengan perubahan corak pendidikan pada masa depan. Beliau turut menambah bahawa PKP banyak beri impak kepada proses PdP di universiti terutamanya bagi universiti yang bukan melaksanakan pembelajaran dalam talian sepenuhnya, jadi sebagai pensyarah kita perlu menyesuaikan diri dengan cepat. (Utusan Borneo, 11 April 2020)

Perubahan ini turut dialami oleh warga KUIS pada sesi pengajaran dan pembelajaran yang lalu antara bulan Julai hingga Oktober 2020 yang lalu. KUIS merupakan sebuah IPT yang menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran bersemuka sepenuhnya sebelum PKP dilaksanakan. Justeru, terdapat beberapa cabaran yang dilalui ketika pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

1. Capaian Kemudahan Internet

Capaian internet merupakan antara faktor utama yang penting dalam merealisasikan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Bukan sahaja capaian internet di pihak guru dan pensyarah, para pelajar juga perlu mempunyai capaian internet yang baik untuk melalui proses pembelajaran dalam talian. Selain itu, kedua-dua belah pihak perlu memiliki perisian terkini untuk mengakses program dalam talian mereka, atau membayar tambahan untuk menaik taraf ke internet

berkelajuan tinggi. Ini mungkin menyukarkan pelajar yang kurang berkemampuan untuk belajar secara berkesan kerana kekurangan kemudahan akses internet berbanding dengan mereka yang mampu membeli segala perisian serta internet berkelajuan tinggi.

Hal ini turut dihadapi oleh sebahagian pelajar KUIS yang menghadapi kesukaran capaian internet di kediaman kampung halamannya. Oleh itu, ada dalam kalangan mereka memilih untuk memohon dan tinggal di asrama KUIS bagi memenuhi tuntutan pembelajaran dalam talian ini. Ia sejajar dengan kebenaran yang diumumkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam kenyataan media pada 27 Mei 2020 yang menyatakan mana-mana pelajar yang tidak mempunyai akses boleh kembali ke kampus seawal 1 Julai 2020. Keizinan ini sedikit sebanyak mengurangkan tekanan kepada sebahagian para pelajar yang menghadapi masalah capaian internet di kampung halaman mereka.

Berdasarkan temubual bersama pelajar, berikut merupakan maklum balas mereka berkaitan capaian internet.

Rp 01 “Maaf ustazah, data internet saya terhad. Ustazah nak buat kelas dalam google meet berapa lama?”

Rp 03 “saya minggu lepas tak join kelas ustazah...sebab line internet di rumah saya tak ada, hari ni saya dapat hadir kelas sebab ikut ayah saya di pejabat dia...ada wifi ..”

Rp 05 “Maaf ya ustazah ...saya left dulu ...nak ken acari line internet di tempat lain ...lepas ni saya join kelas”

Rp 08 “saya tak on camera ya ustazah ...data saya tak kuat...saya boleh dengar ustazah terangkan je ...”

Hasil daripada maklum balas ini jelas menunjukkan bahawa capaian internet dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang berbeza masih belum optimum. Mereka perlu menyediakan bajet khas pembelian data internet bagi tujuan pembelajaran. Walau bagaimanapun, kesungguhan dan semangat untuk mengikuti sesi pembelajaran dalam talian memberangsangkan.

Capaian internet penting dalam proses pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi subjek bahasa Arab di KUIS. Tidak dinafikan terdapat bahan buku modul disediakan untuk kegunaan para pelajar. Namun keterbatasan jarak antara satu sama lain menyukarkan buku modul sedia ada diedarkan kepada para pelajar. Oleh itu semua maklumat bahan pembelajaran dikongsi melalui pelbagai medium seperti *Google Meet*, *Google Classroom*, KUIS Learning Management System (KLMS) dan e-mel. Pelantar-pelantar ini boleh dicapai dengan adanya internet bagi merealisasikan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Bagi menyokong bahan-bahan pengajaran bahasa Arab pensyarah yang boleh dikongsikan kepada pelajar, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab boleh didapati dalam laman-laman web dan *Youtube*. Antara laman web yang menyediakan secara pengajaran bahasa Arab yang boleh dimanfaatkan ialah لغتنا الجميلة oleh UNRWATV. Di samping laman-laman web yang lain yang turut berkongsi maklumat secara percuma dan menarik. Oleh itu capaian internet menjadi satu cabaran dalam kalangan pelajar untuk mengakses bahan-bahan pembelajaran bahasa Arab.

2. Suasana Pembelajaran Yang Tidak Kondusif Untuk Belajar.

Faktor suasana pembelajaran juga adalah salah satu cabaran ketika pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Sebelum PKP diumumkan, para pelajar menjalani kehidupan kampus dengan suasana pembelajaran yang baik bersama rakan-rakan sebaya mahupun yang lebih senior. Pandemik COVID-19 telah merubah fenomena ini dengan memberi kesan mendalam dalam suasana pembelajaran daripada bersemuka kepada dalam talian yang mengakibatkan para pelajar terpisah dengan suasana pembelajaran di kampus. Para pelajar perlu mengharungi pembelajaran secara individu di kediaman masing-masing dan peluang berinteraksi dengan rakan sekelas secara bersemuka tidak selancar di kampus seperti sebelum ini.

Banyak kajian berkaitan suasana yang kondusif penting dalam pembelajaran seperti Arham Abdullah (2006), Abdul Razak (2006), Suhana (2007), Nugrahanti (2014) dan Iberahim (2014). Dapatan kajian-kajian ini menunjukkan suasana yang kondusif di kelas dan persekitaran kampus adalah antara faktor kecemerlangan pelajar.

Apa yang diharungi, gaya pembelajaran kini sudah berbeza kerana menggunakan medium dalam talian. Pelajar perlu mengadaptasi suasana di rumah bersama dengan keluarga dengan jadual kelas pembelajaran yang perlu dihadiri secara maya. Dapatan pemerhatian ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian menunjukkan suasana di rumah didapati sedikit mengganggu rutin jadual seorang pelajar IPT.

Antara dapatan yang boleh dikongsikan adalah seperti berikut :

Rp 40 “ Maaf ustazah ...saya lewat sikit, sidai kain tadi ... ”

Rp 41 “ Saya left dulu ya ustazah, mak saya minta ambil adik di sekolah ... ”

Rp 44 “ Maaf ustazah ...rumah saya bising sikit, tengah renovation ... ”

Rp 02 ... “ saya duduk KUIS ustazah, saya mohon duduk asrama, di rumah adik beradik saya ramai...susah nak fokus ... ”

3. Keberkesanan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar

Sebagai seorang pensyarah, keberkesanan pembelajaran dalam kalangan pelajarannya merupakan sesuatu yang penting. Lebih-lebih apabila para pelajar hanya dapat ditemui di ruang maya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Pensyarah tidak akan tahu akan kemampuan para pelajarannya kerana tidak bersemuka dan berbincang secara perseorangan. Ini juga salah satu cabaran pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Semasa ketika PKPP dilaksanakan,, bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah andragogi dan pedagogi secara digital. Mahu atau tidak, dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya diteruskan bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak ditangguhkan. (Mohamad Idham, 2020)

Dalam subjek bahasa Arab, pertemuan bersemuka adalah lebih diutamakan kerana dapat mengenal pasti keberkesanan kemahiran bahasa pelajar. Kaedah pengajaran merupakan perantara penting dalam mencapai sesuatu objektif keberkesanan pembelajaran. Dalam penyampaian sesuatu pengajaran khususnya pengajaran bahasa Arab, penggunaan kaedah yang sesuai dan menarik dilihat sangat penting. Ini membantu para pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan (Wan Azura & Lubna Abd Rahman, 2006) dan pengajaran yang berkualiti terhasil

daripada guru yang berkeupayaan mengaplikasikan ilmu pedagogi iaitu ilmu mengajar secara saintifik dalam pendidikan formal (Mohammad Abdillah, Miss Asma & Zamri Arifin, 2014).

Bagi memastikan keberkesanan pengajaran bahasa Arab, pensyarah telah menggunakan sepenuhnya medium dalam talian bagi memastikan para pelajar dapat mempelajari dan mempraktikkan kemahiran bahasa yang dipelajari. Antara medium yang digunakan ialah rakaman suara melalui *Whatsapp*, rakaman video pembentangan yang dikongsi melalui *Google Drive*, latihan kemahiran membaca melalui kelas di *Google Meet*.

Bagi memastikan keberkesanan ini, masa dan tenaga banyak diperuntukkan. Para pelajar sentiasa menghubungi pensyarah tanpa mengira waktu untuk bertanya dan mempelajari cara bagaimana memuat naik tugas, mendapatkan kefahaman tentang soalan tugas dan meminta pandangan berkaitan permasalahan kerja kumpulan yang diberikan. Manakala pensyarah sentiasa menghubungi pelajar melalui kumpulan *Whatsapp* subjek atau secara individu bagi memastikan tugas kursus dapat dilaksanakan mengikut tarikh yang ditetapkan.

4. Persediaan Sebagai Seorang Pensyarah

Tidak dinafikan bahawa perubahan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian daripada bersemuka mengundang perasaan gusar dalam kalangan pensyarah. Banyak perkara yang bermain di kotak fikiran pensyarah berkait tentang apa dan bagaimana untuk merealisasikan kelas pengajaran bahasa Arab dalam talian.

Kegusaran ini tidak boleh tidak seiring dengan menyiapkan diri individu pensyarah dengan pelbagai kemahiran menggunakan pelantar-pelantar yang sesuai untuk tujuan pengajaran. Penguasaan menggunakan medium *Google Meet*, *Google Classroom*, *Zoom*, *Quizzizz*, *Kahoot!*, *Socrative* dan e-mel adalah agenda utama pensyarah. Di awal pengendalian kelas dalam talian, pensyarah masih cuba mengadaptasi kemahiran menggunakan pelantar yang sesuai ketika sesi pengajaran. Bagi pihak KUIS, para pensyarah diberikan kebebasan sepenuhnya untuk memilih pelantar yang sesuai untuk kegunaan sesi pengajaran bersama pelajar. Di samping para pensyarah sentiasa diberi latihan dan menghadiri bengkel-bengkel khas berkaitan kemahiran penggunaan pelbagai pelantar untuk tujuan pengajaran. Selain itu, KUIS menyediakan pelantar KLMS untuk memudahkan para pensyarah berinteraksi secara akademik bersama belajar.

Kelebihan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Talian

Pengalaman pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian adalah sesuatu yang menarik untuk dikongsi. Terdapat beberapa kelebihan yang boleh diperolehi sama ada di pihak pensyarah mahupun pelajar.

Kemahiran Mengaplikasi Pelantar Di Internet Untuk Tujuan PdP

Dalam era revolusi digital kini, kemahiran mengaplikasi kemudahan internet adalah satu kemestian bagi setiap individu tanpa mengira status masyarakat. Dalam apa jua bidang, kemudahan internet telah memungkinkan sesuatu urusan lebih mudah seperti perbankan internet, penghantaran maklumat melalui e-mel dan berita terkini dalam bentuk digital.

Setiap pendidik harus memperkenalkan metodologi yang dapat membantu meningkatkan kualiti proses pembelajaran dengan menyediakan informasi yang berguna tentang pelajar dan aktiviti yang dijalankan oleh mereka dalam sistem pembelajaran dalam talian. Bagi tujuan tersebut,

menjadi kemestian para pensyarah menguasai pelantar yang sesuai untuk digunakan ketika menyampaikan pengajaran. *Google Meet, Zoom, Webex* dan *Microsoft Team* merupakan antara pelantar yang popular diaplikasi ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian dilaksanakan. Manakala di KUIS, pelantar KLMS adalah salah satu medium yang disediakan.

Jika sebelum PKPP pelantar-pelantar tersebut hanyalah pilihan. Namun apabila PKPP diumumkan dan sesi pengajaran dan pembelajaran perlu diteruskan, kemahiran mengaplikasi pelantar-pelantar tersebut adalah satu kemestian. Situasi ini telah memberi ruang dan peluang kepada pensyarah dan pelajar menggunakannya seterusnya menambah kemahiran individu. Melalui pelantar yang diperkenalkan, pensyarah dan pelajar juga boleh berinovasi dalam penyediaan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penyampaian maklumat yang lebih sistematik dan efisien. Tambahan pula, pelajar dan pensyarah juga dapat didedahkan dengan pelbagai jenis aplikasi dan teknologi terkini yang boleh mengasah bakat dan kemahiran mereka untuk menghadapi dunia moden masa kini.

Proses pedagogi dan andragogi berlaku apabila pelajar IPT belajar secara maya menggunakan manual sukatan pengajian ditentukan. Pelajar dan pensyarah mendapat pengalaman berinteraksi, berkomunikasi dan menonton video dalam membina pengajaran mantap dalam proses PdP yang berkesan. Medium pembelajaran dalam talian membantu pelajar bertukar idea, berkomunikasi dan menyelesaikan tugas minggu mereka hingga akhir semester. Penggunaan aplikasi pembelajaran secara maya juga memerlukan kemahiran terutama pensyarah. (Rathakrishnan, 2020)

Sebagai contoh melalui subjek bahasa Arab, para pelajar dikehendaki menghantar tugas secara keseluruhannya dalam talian. Mereka dikehendaki memuat naik video pembentangan, video projek bahasa dan tugas bertulis dalam sistem KLMS yang disediakan. Tidak semua pelajar mempunyai kemahiran untuk merakam dan memuat naik video yang dihasilkan. Oleh itu, bantuan daripada pensyarah dan rakan sekelas diperlukan bagi menjayakan tugas ini. Dalam pada masa yang sama, mereka yang kurang berkemahiran akan mempelajari teknik daripada rakan yang berkemahiran dan secara tidak langsung mempelajari kemahiran baharu.

Mengasah Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat

Menurut pandangan pakar Aliah Fatin Phang (2020), bagi pelajar universiti, inilah masanya untuk mengasah kemahiran pembelajaran sepanjang hayat supaya mereka bersedia untuk alam pekerjaan. Pelajar perlu menyusun jadual pembelajaran sendiri, mencari bahan pembelajaran selain yang diberikan oleh pensyarah, menyusun waktu perbincangan bagi tugas berkumpulan, menentukan tarikh tutup pecahan kerja-kerja tugas kumpulan supaya boleh dilengkapkan sebelum tarikh tutup tugas, serta membuat pelbagai keputusan yang memerlukan kemahiran penyelesaian masalah seperti masalah internet yang tidak stabil atau lemah, kawan kumpulan tugas yang tidak ada akses internet, laptop dan *speaker* bermasalah, dan sebagainya. Selain itu, pelajar diberi peluang untuk mengasah kemahiran ini yang amat penting untuk kekal bermandiri pada abad ini.

Bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, melalui situasi ini para pelajar mula mengakses maklumat tambahan secara maya bagi mendapatkan kefahaman yang maksimum dalam satu-satu topik yang dipelajari. Pencarian maklumat tambahan berkaitan bahasa Arab di Youtube amat popular dalam kalangan pensyarah mahupun pelajar. Pencarian ini mampu membantu pelajar memahami topik yang dipelajari dengan lebih mendalam. Ia adalah salah satu aktiviti pembelajaran sepanjang hayat yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar. Bagi pengguna

Google Meet sebagai medium pertemuan bersemuka dalam talian, pertemuan boleh direkod dan kemudiannya diulang siar kepada sesiapa yang tidak menghadiri kelas atau ingin memahami semula topik perbincangan.

Merentasi Sempadan Dan Menjimatkan Kos Bahan

Melalui konsep pembelajaran dalam talian yang dilaksanakan ini, pensyarah dan pelajar tidak perlu lagi berinteraksi secara empat mata. Sebaliknya, proses berinteraksi berupaya dilakukan pada jarak yang tiada sempadan dan kekangan, iaitu hanya perlu menggunakan komputer dan internet sebagai medium. Sungguhpun demikian, pengaplikasian pembelajaran dalam talian tidak bermaksud proses pembelajaran akan menjadi lebih longgar dan kurang pengawasan hingga boleh menjejaskan kualiti pendidikan yang disampaikan. Sebaliknya, pembelajaran dalam talian merangkumi suatu program yang mapan, bukan saja mampu mengekalkan kualiti pendidikan, malah mampu menjadi lebih terancang dan fleksibel jika diukur dan aspek penilaian prestasi pelajaran dan pembelajaran yang dilangsungkan. (David Leam, t.t)

Para pelajar yang berada di tempat yang berbeza boleh menghadiri kelas pembelajaran dalam talian mengikut jadual yang telah ditetapkan. Mereka tidak perlu bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk menghadiri kelas. Hal ini dapat menjimatkan kos perjalanan dalam masa yang sama pembelajaran dapat diteruskan.

Selain itu, kos bahan pengajaran juga dapat dijimatkan. Semua bahan pengajaran dimuat naik dalam pelantar yang telah ditentukan seperti *Google Classroom* atau *KLMS*. Bahan-bahan yang dimuat naik adalah berbentuk salinan lembut (*softcopy*) atau pun bahan berbentuk video untuk kemudahan para pelajar. Oleh itu, bahan-bahan yang disediakan boleh diulang kaji berulang kali oleh para pelajar secara optimum.

Manakala pelaksanaan ujian dan peperiksaan dalam talian juga boleh menjimatkan kos bahan kertas peperiksaan, alat tulis dan pengawasan peperiksaan. Pelbagai medium boleh digunakan untuk tujuan pengujian. Antaranya *Google Form*, *Quizzizz*, *Socrates*, *Whatsapp*, *Telegram* dan e-mel. Dalam subjek bahasa Arab, para pelajar akan diberi ujian dalam setiap komponen yang terdapat dalam subjek tersebut, termasuklah aspek tatabahasa, pemahaman, dan sebagainya. Seterusnya, keputusan semua ujian tersebut akan dianalisis secara automatik untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap pelajar.

Pada masa yang sama, medium ini juga turut menyediakan kemudahan kepada pensyarah untuk mengubahsuai sistem sedia ada mengikut kesesuaian proses pengajaran mereka. Pensyarah dapat menyesuaikan beberapa pilihan jawapan yang betul dan dapat diterima untuk satu-satu soalan berbentuk subjektif. Beberapa kata kunci tertentu akan dimasukkan ke dalam sistem oleh pensyarah yang terlibat bagi membolehkan sistem tersebut menandakan jawapan yang diberikan oleh pelajar mengikut kehendak pensyarah yang berkenaan.

Ini jelas menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran dalam talian mempunyai kelebihan yang tersendiri bagi merealisasikan aktiviti ini tidak terhalang oleh sebab pelaksanaan PKPP. Pensyarah dan pelajar di KUIS sentiasa berusaha menjayakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian Ketika tempoh pelaksanaan PKPP. Pembelajaran bahasa Arab dalam talian yang merangkumi empat kemahiran bahasa telah dapat dilaksanakan.

KESIMPULAN

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian di KUIS telah dapat dijayakan dengan baik ketika pelaksanaan PKPP yang lalu. PKPP bukanlah satu penghalang kepada usaha meruskan sesi pembelajaran dalam talian malah ia berjaya membuat satu pembaharuan pembelajaran dalam talian tanpa bersemuka. Tidak dinafikan bahawa terdapat pelbagai cabaran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian. Namun begitu dengan kerjasama pensyarah dan para pelajar, cabaran ini dapat diatasi. Selain dapat membendung penularan wabak COVID-19, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian dapat memberi manfaat dan faedah kepada semua pihak terutama pelajar. Mereka boleh mengasah bakat dan kemahiran mengaplikasi pelbagai kemudahan teknologi masa kini. Meskipun terdapat kekangan akses kepada internet, ia dapat diatasi secara beransur-ansur tanpa menghalang aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian diteruskan.

Rujukan

JURNAL

- Mohd Firdaus, Muhammad Sabri & Mohd Shahrizal / Jurnal Teknologi (Social Sciences) 61:1(2013) 11–18: *Pembangunan Laman Web EZ Arabic Sebagai Alternatif Pembelajaran Maya Bahasa Arab bagi Pelajar Sekolah Rendah Malaysia.*
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). *Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab Dan Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab* Jurnal Kemanusiaan Bil. 22. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Azura dan Lubna Abd Rahman. (2005). *Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab.* Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia

LAMAN SESAWANG

- Ahmad, Anuar 2020, [Online]:
<https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian> (akses pada 6/11/2020)
- Ehwan Ngadi. 2020. [Online]: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/> (akses pada 5/11/2020)
- Fatin Aliah Phang, 2020, [Online]: <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- David Leam t.t. [Online]: : https://www.academia.edu/30248266/Kebaikan_e_pembelajaran (akses pada 10/11/2020)
- <https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/11/pdp-dalam-talian-beri-cabaran-dan-pengalaman-baharu> (akses pada 7/11/2020)
- Mohamad Idham Md Razak, 2020, [Online]: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arrah-menuju-malaysia-maju-237496> (akses pada 9/11/2020)
- Mallow, Muzaffar Syah, 2020, [Online]:
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1853908> (akses pada 5/11/2020)
<http://jpkmalaysia.com/cabaran-pembelajaran-online-cadangan-mengatasinya/>

Kementerian Pengajian Tinggi, 27 Mei 2020, Kenyataan Media: *Pengendalian Aktiviti Akademik di Kampus Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan*. (akses pada 8/11/2020)

Kementerian Pengajian Tinggi, 20 Mac 2020, Kenyataan Media: *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Dalam Talian*. (akses pada 8/11/2020)

Kamarul Azmi Jasmi,

2012, <https://www.researchgate.net/publication/293097563> *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif* (akses pada 8/11/2020)

Rathakrishnan, Mohan, 2020, [Online]:

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/710464/covid-19-ubah-pengajaran-dan-pembelajaran-dari-rumah> (akses pada 7/11/2020)

Sazale, Nurul Aniqah, 2016, [Online]:

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/144825/belajar-bahasa-arab-guna-permainan-atas-talian> (akses pada 5/11/2020)